

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.10.2024 MASA: 04.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA  
DEWAN ORANG RAMAI TAMAN JASA, BUKIT  
MERTAJAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**20 OKTOBER 2024 (AHAD)**  
**9.00 PAGI**

**TAMAN JASA  
BUKIT MERTAJAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Dewan Orang Ramai Taman Jasa, Bukit Mertajam.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Berapit yang sudi hadir melancarkan Majlis pada pagi yang berbahagia ini.
3. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian manusia semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semulajadi yang terdapat di sekeliling kita.
4. MBSP melaksanakan pelbagai program untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebih, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Sekiranya masyarakat mengamalkan kitar semula maka kos pengurusan sisa pepejal dapat

dikurangkan, sekaligus MBSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit.

Hasil daripada penjimatan ini, MBSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.

5. Secara tuntasnya, MBSP tidak hanya boleh melaksanakan program atau projek kitar semula ini secara sendirian, tetapi apa yang diperlukan adalah kerjasama, tanggungjawab dan penyertaan awam di kalangan penduduk setempat dan pihak swasta, dalam menguruskan aktiviti manusia dan penggunaan mampan di lokasi berkaitan untuk meminimumkan kesan buruk terhadap persekitaran.
6. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Salah satu kaedah adalah dengan mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 30 pusat kitar semula di Seberang Perai iaitu lapan (8) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Utara, 16 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah, dan enam (6) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.
7. Penubuhan Pusat Kitar Semula Dewan Orang Ramai Taman Jasa ini dan penyerahan sangkar kitar semula adalah satu usaha bagi menggalakkan penduduk setempat menjalankan aktiviti pengasingan sisa di punca dan sekaligus untuk mewar-warkan kewujudan sangkar

kitar semula kepada orang awam khususnya penduduk di sekitar Taman Jasa.

8. Sempena Program pada hari ini, satu taklimat pengasingan sisa di punca akan diadakan bagi menerangkan mengenai kaedah pengasingan sisa di punca di Negeri Pulau Pinang serta impak yang akan berlaku sekiranya kita tidak mengamalkan aktiviti kitar semula kepada alam sekitar.
9. Penempatan sangkar kitar semula di lokasi ini adalah strategik kerana ia merupakan kawasan tumpuan orang ramai. Secara tidak langsung, ia menjadi satu kaedah untuk mendidik masyarakat menjalankan aktiviti kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di punca, di mana aktiviti penguatkuasaan dasar ini telah diperketatkan pada Julai 2024.
10. Selain taklimat Pengasingan Sisa Di Punca, pertandingan mewarna bertemakan alam sekitar yang membabitkan pelajar tadika berdekatan dan cabutan bertuah turut diadakan bagi mengukuhkan ikatan komuniti setempat.
11. MBSP berharap Pihak Pengurusan Pusat Kitar Semula Dewan Orang Ramai Taman Jasa ini akan terus memanfaatkan Pusat Kitar Semula ini dan mengambil langkah proaktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengasingan sisa di punca bersama komuniti setempat.

12. Diharap dengan adanya Pusat Kitar Semula Dewan Orang Ramai Taman Jasa ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat penduduk setempat untuk menjadikan kitar semula sebagai satu budaya. Penglibatan komuniti setempat bersama wakil masyarakat adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu menjadikan ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.***
13. Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan tagline MBSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.
14. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembungkan tenaga untuk menjayakan Program Kitar Semula di Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap

kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.

**Sekian. Terima Kasih**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh***